

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional rumah mampu milik yang dibina oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) terbuka untuk pembeli rumah kedua sedangkan ramai pembeli rumah kali pertama masih tercari-cari rumah seumpama.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA amat menggalakkan pemilikan rumah terutama bagi golongan berpendapatan sederhana. Kebanyakan golongan sasaran ini telah memiliki satu harta tanah dan ia itu terletak di lokasi yang kurang bersesuaian, jarak yang jauh dari tempat kerja, kemudahan awam yang tidak mencukupi dan sebagainya. Justeru itu, PR1MA memberi peluang kepada pemohon yang telah memiliki satu harta tanah untuk turut membeli rumah di bawah projek pembangunan PR1MA.

Selain daripada itu, pihak PR1MA akan mengutamakan penawaran kuota yang lebih besar kepada pemohon yang tidak memiliki sebarang harta tanah berbanding pemohon yang telah memiliki harta tanah pertama. Sukacita dimaklumkan bahawa pembahagian rumah PR1MA adalah melalui proses undian terbuka yang dikawal selia oleh juruaudit bertauliah di mana para pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan mempunyai peluang sama rata untuk memiliki rumah PR1MA.

Sekian. Terima kasih.